



TEKS  
KHUTBAH  
NEGERI  
PAHANG  
SIRI 02/2024



## ISRAK DAN MIKRAJ

28 REJAB 1445H / 09 FEBRUARI 2024

أَحْمَدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ

أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ

وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

## Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,

Isra' dan Mikraj merupakan salah satu peristiwa penting yang berlaku ke atas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi wa Sallam. Walaupun ulamak berbeza pendapat mengenai tarikh peristiwa ini, tetapi semua bersepakat ia berlaku sebelum hijrah Baginda ke kota Madinah. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam Surah al-Isra' ayat pertama:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ  
الْأَقْصَا الَّذِي بَرَكْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ وَمِنَ آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١﴾

**Yang bermaksud:** “Maha Suci Allah yang telah menjalankan hambaNya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid al-Haram (di Makkah) ke Masjid Al-Aqsa (di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya Allah jualah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.”

Sementara peristiwa Mikraj pula, dirakamkan dalam Surah al-Najm ayat 13 hingga 14:

وَلَقَدْ رَءَاهُ نَزْلَةً أُخْرَىٰ ﴿١٣﴾ عِنْدَ سِدْرَةِ الْمُنْتَهَىٰ ﴿١٤﴾

**Yang bermaksud:** “Dan demi sesungguhnya! (Nabi Muhammad) telah melihat (malaikat Jibril, dalam bentuk rupanya yang asal) sekali lagi. Di sisi "Sidratul-Muntaha".

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,**

Agak menyedihkan, kerana al-Masjidil Aqsa yang merupakan tempat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi wa Sallam diisra’kan, masih lagi dijajah oleh rejim Zionis. Walau pun ada cubaan untuk meminggirkan kepentingan al-Aqsa daripada minda umat Islam, tetapi ketahuilah bahawa kesucian al-Aqsa adalah merupakan sebahagian daripada akidah kita.

Telah termaktub bahawa al-Aqsa merupakan masjid kedua yang terbina dalam sejarah, selepas Masjidil Haram di Makkah. Selain itu, al-Aqsa juga merupakan kiblat pertama umat Islam. Semasa zaman Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi wa Sallam, al-Aqsa dijajah oleh Kerajaan Rom Timur. Pun demikian, Baginda telah dihubungkan dengan tanah suci tersebut menerusi Israk dan Mikraj. Nabi Muhammad Sallallahu



Alaihi wa Sallam berulang kali menceritakan kelebihan Baitulmaqdis, hingga ramai sahabat termasuklah juga isteri Baginda sendiri menyatakan hasrat untuk solat di dalamnya walaupun perkara itu agak mustahil pada logik manusia semasa zaman itu kerana penjajahan Kerajaan Rom.

Akan tetapi di penghujung ayat Isra', Allah Subhanahu wa Taala mengingatkan kepada hamba-Nya bahawa sesungguhnya sifat Allah Subhanahu wa Taala itu adalah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. Ini sebagai satu penegasan akidah betapa umat Islam perlu sentiasa yakin, Allah Subhanahu wa Taala itu sentiasa mendengar rintihan dan permohonan kita, terutamanya yang berkaitan dengan al-Aqsa.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,**

Selain memperlihatkan tanda kebesaran Allah Subhanahu wa Taala, Israk dan Mikraj juga bertujuan sebagai satu tiupan semangat kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi wa Sallam, yang sebelumnya diuji dengan kewafatan Khadijah dan Abu Talib yang menjadi pelindung utama dakwah Baginda. Selain itu, Baginda juga bersedih apabila tanpa disangka-sangka, cubaan untuk berdakwah kepada penduduk Taif,



disambut dengan cercaan dan lontaran batu oleh anak-anak muda di sana, hasil daripada tipu daya musyrikin Makkah.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,**

Peristiwa Israk dan Mikraj juga merupakan ujian kepada iman seseorang, sejauh mana dia percaya kepada kehendak Allah Subhanahu wa Taala walaupun di luar logik akal manusia. Bagaimana mungkin Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi wa Sallam boleh diperjalankan ke tempat yang sangat jauh, tetapi atas kuasa Allah Subhanahu wa Taala, boleh berlaku pada sebahagian malam. Maka hanya insan hebat yang melepasi ujian kepercayaan ini, seperti Saidina Abu Bakar al-Siddiq, lalu menjadikannya mukmin hebat dan rakan sejati baginda dalam perjuangan.

Isra' dan Mikraj juga sepatutnya mengingatkan kita kepada kewajipan solat, yang merupakan satu-satunya ibadah yang diperintahkan secara langsung kepada Nabi Sallallahu Alaihi wa Sallam. Solat juga merupakan wasiat terakhir Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi wa Sallam sebelum wafat. Solat juga merupakan ribat (pengikat) seseorang, yang melayakkan kita mendapat pertolongan dan kemenangan daripada Allah Subhanahu wa Taala. Sabda Nabi



Muhammad Sallallahu Alaihi wa Sallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim yang bermaksud: *“Mahukah aku tunjukkan kepada kamu amalan yang dengannya Allah akan hapuskan dosa, menaikkan darjat?” Sahabat menjawab, Benar Ya Rasulullah.” Baginda menyatakan, “menyempurnakan wuduk walaupun dalam keadaan sukar, perbanyakkan langkah ke masjid, menanti solat selepas tamat solat, itulah ribat(pengikat).”*

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,**

Bersempena dengan peristiwa Isra' dan Mikraj ini, marilah kita bersama-sama meningkatkan kualiti solat kita, daripada solat bersendirian di rumah kepada melazimi solat berjemaah di masjid dan janganlah lupa untuk terus berdoa, agar Masjid al-Aqsa akan kembali merdeka, dan kita akan dapat bersujud di dalamnya tanpa cengkaman rejim Zionis.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَاسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ وَإِنَّهَا لَكَبِيرَةٌ إِلَّا عَلَى الْخَاشِعِينَ

**Yang bermaksud:** “*Dan mintalah pertolongan (kepada Allah) dengan jalan sabar dan mengerjakan solat; dan sesungguhnya solat itu amatlah berat kecuali kepada orang yang khusyuk;*”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ. وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ

وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ

قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ

وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ